



SURAT KELILING JABATAN PERBENDAHARAAN BIL: 2/2015

PEMBAYARAN GAJI DAN PENCEN BULAN MAC 2015

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran **gaji dan pencen bagi bulan Mac 2015** akan dibuat seperti berikut :

- i) Bagi pembayaran gaji melalui sistem gaji berkomputer ialah pada hari **Selasa, 24 Mac 2015**. Dari itu, dokumen-dokumen bagi pembayaran gaji melalui sistem gaji berkomputer untuk bulan Mac 2015 hendaklah dihantar ke Unit Gaji, di Jabatan Perbendaharaan tidak lewat dari hari **Sabtu, 7 Februari 2015** bagi yang menggunakan sistem secara **Batch**. Bagi Kementerian/Jabatan yang menggunakan sistem secara **Online**, tarikh tutup penghantaran tidak lewat dari hari **Sabtu, 21 Februari 2015**. Baucer-Baucer pembayaran gaji yang diproses secara manual untuk bulan yang sama hendaklah dihantar tidak lewat dari hari **Selasa, 17 Mac 2015**.
- ii) Bagi pembayaran gaji untuk pekerja-pekerja bergaji hari dari 1 Mac hingga 31 Mac 2015 bolehlah dibayar pada hari **Rabu, 25 Mac 2015 dengan syarat mana-mana gaji yang terlebih bayar bagi bulan Mac 2015 hendaklah dikutip balik dari gaji bulan April 2015**. *Daily Wages Sheet TAFIS Printout* hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya **seminggu** sebelum tarikh pembayaran dibuat.
- iii) Pencen untuk bulan Mac 2015 akan dibayar pada hari **Selasa, 24 Mac 2015**.


[**AHMADDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN**]

Pemangku Jurukira Agung
Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan: JPKK/A/6

Tarikh : 05 Rabiulakhir 1436 / 26 Januari 2015